# DAFTAR ISTILAH MAHKAMAH PERUSAHAAN

## (BAHASA INGGERIS- BAHASA MELAYU)

DITERBITKAN OLEH:

**JAWATANKUASA ISTILAH**
**MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA**

# KANDUNGAN

| | |
|---|---|
| Prakata | ii–iii |
| Sepatah Kata | iv-v |
| Jawatankuasa | vi |
| Peranan Mahkamah Perusahaan | vii |
| Daftar Istilah Mahkamah Perusahaan | 1-35 |

# PRAKATA

Saya amat berbangga Daftar Istilah Mahkamah Perusahaan (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) ini telah dapat disempurnakan penyusunan dan penerbitannya. Penyediaan Daftar Istilah ini bertujuan menyusun dan menerbitkan istilah bahasa Inggeris yang biasa digunakan di Mahkamah Perusahaan ke bahasa Melayu.

Sebagai menyahut saranan pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan dalam bidang perundangan, saya terpanggil untuk menerbitkan Daftar Istilah Mahkamah Perusahaan (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) ini. Sementelahan pula semakin ramai pihak bertikai dan pengamal undang-undang dalam bidang Perhubungan Perusahaan ini yang menggunakan bahasa Melayu semasa perbicaraan di Mahkamah Perusahaan, namun setakat ini belum ada suatu Daftar Istilah khusus seumpama ini yang boleh dijadikan bahan rujukan. Pengerusi-Pengerusi Mahkamah Perusahaan juga telah berusaha menghasilkan lebih banyak penulisan award dalam bahasa Melayu bagi menambah dan memperkasa penerbitan perundangan dalam bidang Perhubungan Perusahaan. Ketiadaan suatu Daftar Istilah (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) yang khusus dalam bidang Perhubungan Perusahaan menyukarkan keseragaman istilah dalam penulisan award bahasa Melayu dapat dilaksanakan.

Hakikat ini menyebabkan Mahkamah Perusahaan Malaysia menyedari betapa perlunya Daftar Istilah Mahkamah Perusahaan (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) disusun dan diterbitkan. Dalam usaha ini rujukan telah dibuat kepada sumber yang sedia ada termasuk Khazanah Istilah Undang-Undang terbitan Jabatan Peguam Negara dan penerbitan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Istilah Mahkamah

Perusahaan (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu), Puan Aslina Joned dan semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam penyediaan Daftar Istilah ini. Ucapan ribuan terima kasih juga saya rakamkan kepada Encik Sritharan Kathirasen, Pendaftar Mahkamah Perusahaan Malaysia yang sudi meminjamkan sesalinan *Glossary of Industrial Relations And Related Terms* terbitan *International Labour Office* bagi menambah bilangan istilah yang telah disusun. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Mahkamah Perusahaan Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Daftar Istilah ini.

Penerbitan Daftar Istilah ini diharapkan dapat memenuhi kekosongan yang ada dan menjadi salah satu sumber rujukan utama di Malaysia.

Puan Susila Sithamparam
Yang DiPertua Mahkamah Perusahaan Malaysia
Merangkap Penaung
Jawatankuasa Istilah Mahkamah Perusahaan Malaysia
30 November 2011

# SEPATAH KATA

Jawatankuasa Istilah Mahkamah Perusahaan Malaysia telah ditubuhkan pada 24 Jun 2010. Penubuhan Jawatankuasa ini diilhamkan oleh YA Puan Susila Sithamparam, Yang DiPertua Mahkamah Perusahaan Malaysia. Berdasarkan pengalaman beliau selama 9 tahun bertugas di Mahkamah Perusahaan Malaysia belum ada lagi diterbitkan Daftar Istilah Mahkamah Perusahaan (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) khusus dalam bidang Perhubungan Perusahaan di Malaysia. Fungsi Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan padanan dalam bahasa Melayu bagi istilah bahasa Inggeris yang biasa digunakan di Mahkamah Perusahaan.

Sebahagian besar sumber istilah yang dikumpulkan oleh Jawatankuasa Istilah Mahkamah Perusahaan Malaysia adalah daripada award yang ditulis dalam Bahasa Melayu oleh mantan Pengerusi-Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia. Istilah-istilah juga dikumpulkan daripada dokumen yang difailkan oleh pihak bertikai dan istilah yang digunakan secara lisan di Mahkamah Perusahaan oleh pengamal Undang-Undang Perhubungan Perusahaan. Sebagai tambahan, rujukan istilah dalam *The Glossary of Industrial Relations and Related Terms* terbitan *International Labour Office* turut dimuatkan ke dalam Daftar Istilah yang disediakan.

Jawatankuasa Istilah Mahkamah Perusahaan Malaysia telah menyusun, menyemak dan mengemaskini draf Daftar Istilah ini dari semasa ke semasa sebelum dimuktamadkan pada 30 November 2011. Proses pengemaskinian ini termasuklah menambahkan istilah baru, membetulkan kesilapan ejaan dan tatabahasa serta menggugurkan istilah yang kurang digunakan.

Di akhir kalam, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada YA Puan Susila Sithamparam di atas kepercayaan, tunjuk ajar serta sokongan yang diberikan kepada saya dalam menerajui Jawatankuasa Istilah Mahkamah Perusahaan Malaysia sehingga Daftar Istilah ini berjaya diterbitkan. Rakaman penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan

kepada semua Ahli Jawatankuasa Istilah Mahkamah Perusahaan Malaysia yang terdiri daripada Pengerusi-Pengerusi, Penolong Pendaftar dan Jurubahasa-Jurubahasa Kanan Mahkamah Perusahaan Malaysia yang telah memberi sumbangan kepakaran, buah fikiran dan kerjasama dalam penerbitan Daftar Istilah Mahkamah Perusahaan (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) ini. Tidak lupa juga kepada Pendaftar Mahkamah Perusahaan Malaysia, pegawai dan kakitangan Mahkamah Perusahaan Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menerbitkan Daftar Istilah Mahkamah Perusahaan (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) ini.

Aslina Binti Joned
Pengerusi
Jawatankuasa Istilah Mahkamah Perusahaan Malaysia
30 November 2011

## Jawatankuasa Istilah Mahkamah Perusahaan Malaysia

Penaung : Y.A Puan Susila Sithamparam

Pengerusi : Y.A Puan Aslina binti Joned

Setiausaha : Y.M Raja Khairul Azahar bin Raja Ahmad

Ahli J/kuasa :

1. Y.A Dato' Jalaldin bin Hj Hussain
2. Y.A Tuan Hamdan bin Indah
3. Y.A Puan Hapipah binti Monel
4. Y.A Tuan Eddie Yeo Soon Chye
5. Puan Hjh Paridah binti Saad
6. Puan Rosliza binti Ariffin
7. Puan A. Neela
8. Cik Hashimah binti Harun

# PERANAN MAHKAMAH PERUSAHAAN

Section 30 (5) Industrial Relations Act 1967 (Act 177)

(5) " The Court shall act according to equity, good conscience and the substantial merits of the case without regard to technicalities and legal form"

"Mahkamah hendaklah bertindak mengikut ekuiti, perasaan nurani dan merit teguh kes tanpa memperdulikan keteknikan dan bentuk undang-undang"

# DAFTAR ISTILAH
# MAHKAMAH PERUSAHAAN
# (BAHASA INGGERIS- BAHASA MELAYU)

Mahkamah Perusahaan Malaysia

2011

Cetakan Pertama 2011

©Mahkamah Perusahaan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mahkamah Perusahaan Malaysia

# DAFTAR ISTILAH
# MAHKAMAH PERUSAHAAN
# (BAHASA INGGERIS- BAHASA MELAYU)

# NOTA

**©Hak Cipta TerpeliharaMahkamah Perusahaan 2011**

# A



| Bahasa Inggeris | Syor Oleh Mahkamah Perusahaan |
|---|---|
| ability to pay | kemampuan untuk membayar |
| adjourned sine die | ditangguhkan sine die/Ditangguhkan tanpa tarikh |
| afterthought | fikir semula |
| aggrieved party | pihak terkilan |
| agreed statement of facts | pernyataan fakta yang dipersetujui |
| agreement | perjanjian/persetujuan |
| ambiguity | ketaksaan/kekaburan |
| amended statement of case | pernyataan kes terpinda |
| amicable settlement | penyelesaian secara damai |
| annual Earnings | pendapatan tahunan |
| appropriate punishment | hukuman setimpal |
| arbitration<br>arbitrator | timbang tara<br>penimbang tara |

# B



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| back wages | upah/ gaji kebelakangan |
| balance of probabilities | imbangan kebarangkalian |
| ban | larangan |
| bargaining | perundingan |
| bargaining power/bargaining strength | kuasa perundingan/kekuatan perundingan |
| bargaining unit | unit perundingan |
| basic wage | gaji pokok |
| benchmark | tanda/aras |
| benefit | faedah/manfaat |
| benefit of the doubt | faedah keraguan |
| beyond reasonable doubt | tanpa keraguan yang munasabah |

# B



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| bipartism | dwi-bahagian |
| bipartite relations | perhubungan dwi-bahagian |
| blue-collar worker | pekerja kolar biru |
| bona fide | niat baik / bona fide |
| breach | kemungkiran |
| burden of proof | beban pembuktian |

# C



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| capacity to pay | keupayaan untuk membayar |
| casual worker | pekerja sambilan |
| casualization | kerugian besar |
| centralization | pemusatan |
| charge | pertuduhan |
| circumstantial evidence | keterangan bersandarkan keadaan |
| claim | tuntutan/dakwaan (mengikut konteks) |
| claimant | pihak yang menuntut |
| code of conduct for industrial harmony | kod kelakuan untuk keharmonian industri |
| co-determination | ketetapan bersama/kolektif |
| collective agreement | perjanjian kolektif |
| collective bargaining | perundingan kolektif/bersama |

# C



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| comparable wage rate | kadar upah setanding |
| compensation in lieu of reinstatement | pampasan sebagai ganti rugi pengembalian kedudukan jawatan |
| complainant | pengadu |
| comprehensive | tuntas |
| compulsory arbitration | timbang tara wajib |
| conciliation | pendamaian |
| condonation | pemaafan |
| confederation | gabungan |
| consensus | konsensus |
| construe | tafsir |

# C



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| constructive dismissal | pemecatan kerja secara konstruktif |
| consultation | perundingan |
| consumer price index | indeks harga pengguna |
| contract for services | kontrak untuk perkhidmatan |
| contract of employment | kontrak perkhidmatan |
| contract of service | kontrak perkhidmatan |
| contributory misconduct | salahlaku sertaan |
| contributory negligence | kecuaian sertaan |
| corroborate | menyokong |
| cost-of-living index | indeks kos sara hidup |
| credibility | kebolehpercayaan |
| cross-examination | pemeriksaan balas |

# D



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| deadline | tarikh akhir |
| decentralization | pengagihan kuasa pusat |
| deemed | disifatkan/dianggap<br>(mengikut konteks) |
| degree | tahap |
| delegate<br>delegation | wakil / mewakilkan<br>perwakilan |
| demeanour | tingkah laku |
| dereliction of duty | peninggalan tugas |
| direct dismissal | pemecatan kerja secara langsung |
| direct negotiation | perundingan terus |
| discrimination | diskriminasi |
| dismissal | pemecatan kerja |
| dismissal procedure | prosedur pemecatan kerja |

# D



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| dismissal without just cause or excuse | pemecatan kerja tanpa sebab atau alasan yang adil |
| domestic inquiry | siasatan dalaman |
| downsizing | pengurangan saiz/jumlah |
| due inquiry | siasatan yang wajar/perlu |

# E



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| efficiency | kecekapan |
| employee | pekerja |
| employer | majikan |
| employers' organization | organisasi majikan |
| employment status | status perkhidmatan |
| enforcement | penguatkuasaan |
| enterprise agreement | perjanjian perusahaan |
| enterprise union | kesatuan perusahaan |
| equal pay | gaji sama-rata |
| equity and good conscience | ekuiti dan perasaan nurani |
| examination-in-chief | pemeriksaan utama |
| express terms | terma nyata |

# E



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| extension of time | perlanjutan masa |
| eye witness | saksi mata/saksi yang melihat |

# F



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| fair wage | gaji berpatutan |
| final award | award muktamad |
| financial participation | penyertaan kewangan |
| fixed term contract | kontrak terma tetap |
| forced resignation | perletakan jawatan secara paksa |
| foreign workman | pekerja asing |
| framework agreement | rangka perjanjian |
| free rider | tumpang sekaki |
| freedom of association | kebebasan berpersatuan |
| full award | award penuh |

# G



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| gain sharing | perkongsian keuntungan |
| globalization | globalisasi |
| go-slow | memperlahankan |
| governed by | dikuasai oleh,<br>diperintah oleh,<br>tertakluk |
| gratuity | ganjaran |
| grievance | kilanan |
| grievance procedure | prosedur kilanan |
| gross negligence | kecuaian melampau |

# H



| Bahasa Inggeris | Syor Oleh Mahkamah Perusahaan |
|---|---|
| handbook | buku panduan |
| harsh dismissal | pemecatan kerja secara keras |
| hearing | perbicaraan/pendengaran (mengikut konteks) |
| hearsay | dengar cakap |
| highlight | menyerlahkan/sorotan penting |
| highly specialized | berkepakaran tinggi |

# I



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| independent bargaining | perundingan individu |
| independent contractor | kontraktor bebas |
| indirect dismissal | pemecatan kerja secara tidak langsung |
| industrial action | tindakan perusahaan |
| industrial conflict | konflik perusahaan |
| industrial democracy | demokrasi perusahaan |
| industrial dispute | pertikaian perusahaan |
| industrial relations | perhubungan perusahaan |
| industrial relations system | sistem perhubungan perusahaan |
| industrial sabotage | sabotaj perusahaan |
| industry union | kesatuan perusahaan |

# I



| Bahasa Inggeris | Syor Oleh Mahkamah Perusahaan |
|---|---|
| ignorance of law | kejahilan undang-undang |
| inflation | inflasi |
| information sharing | perkongsian maklumat |
| input | input |
| in the interest of justice | demi kepentingan keadilan |
| interests dispute | pertikaian kepentingan |
| interim award | award interim |
| International Labour Convention | Konvensyen Buruh Antarabangsa |
| International Labour Recommendation | Cadangan Buruh Antarabangsa |
| International Labour Standards | Piawai Buruh Antarabangsa |
| implied terms | terma tersirat |
| issue out | mengeluarkan |

# J



| Bahasa Inggeris | Syor Oleh Mahkamah Perusahaan |
|---|---|
| job enlargement | perluasan tugas |
| job enrichment | pengayaan tugas |
| job rotation | penggiliran tugas |
| joinder | percantuman |
| joint decision making | membuat keputusan bersama |
| judicial precedent | duluan kehakiman |
| jurisprudence | jurisprudens |

# K



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| key bargaining | perundingan penting |

# L



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| labour | pekerja buruh |
| Labour Council | Majlis Buruh |
| labour market | pasaran buruh |
| labour mobility | mobiliti buruh |
| labour turnover | kadar pusing ganti buruh |
| lackadaisical | sambil lewa |
| leading question | soalan memimpin |
| legal forms | bentuk undang-undang |
| liberalization | liberalisasi |
| liberalization | liberalisasi |
| living wage | upah sara hidup |
| lock out | sekat masuk |
| loss of future earnings | kehilangan pendapatan masa depan |

# M



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| mala fide | mala fide |
| malicious act | perbuatan niat jahat |
| management | pengurusan |
| manager | pengurus |
| managerial prerogative | prerogatif pengurusan |
| manual | manual |
| mediation | mediasi |
| merit pay | bayaran merit |
| middle manager | pengurus pertengahan |
| minimum wage | gaji minimum |
| misconduct | salah laku |
| moulding relief | mencorak hukuman gantian |
| multilateral | berbilang pihak |

# M



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| multiple task | tugasan berganda |
| mutual separation scheme | skim pemisahan sama setuju |

# N



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| natural justice | keadilan asasi |
| negotiation | perundingan |
| non -compliance of collective agreement | ketidakpatuhan perjanjian kolektif |
| non-compliance of award | ketidakpatuhan award |
| not bound by technicalities and legal form | tidak terikat dengan keteknikan dan bentuk undang-undang |
| notwithstanding | tanpa mengambil kira |

# O



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| obligatory arbitration | timbang tara wajib |
| onus of proof | beban pembuktian |
| order of reference | turutan rujukan/susunan rujukan<br>(mengikut konteks) |
| overtime | lebih masa |

# P



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| parent company/holding company | syarikat induk |
| pattern bargaining | perundingan berpola |
| pay | gaji |
| performance appraisal | penilaian prestasi |
| performance-related pay | gaji berdasarkan prestasi |
| picketing | piket / berpiket (mengikut konteks) |
| preliminary objection | bantahan awal |
| presentation | penyampaian |
| principle of natural justice | prinsip keadilan asasi |
| probationer | pekerja dalam percubaan |
| productivity | produktiviti |
| productivity bargaining | tawar -menawar produktiviti |

# P



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| public policy | dasar awam |
| put to strict proof | hendaklah dibuktikan sepenuhnya |

# Q



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| quality circle | pusingan/lingkaran kualiti |
| quality of work life | kualiti alam pekerjaan |

# R



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| re-examination | pemeriksaan semula |
| real wages | gaji sebenar |
| rectification order | perintah rektifikasi |
| redeployment | penugasan semula |
| redundancy | lebihan tenaga kerja |
| reinstatement  to former position | pengembalian ke jawatan asal |
| reinstatement to former position without loss of salary, benefits, privileges and seniority subject to deductions for income tax and contribution to the employees provident fund within one month from the date of the award | pengembalian ke jawatan asal tanpa kehilangan gaji, faedah-faedah, keistimewaan dan kekananan tertakluk kepada potongan cukai pendapatan dan caruman kumpulan wang simpanan pekerja dalam tempoh satu bulan dari tarikh award. |
| rejoinder | rejoinder |
| remuneration | gaji/ganjaran (mengikut konteks) |

# R



| Bahasa Inggeris | Syor Oleh Mahkamah Perusahaan |
|---|---|
| re-organization | penyusunan semula |
| reorganize | penyusunan semula |
| representation to the minister | representasi kepada menteri |
| resignation | perletakan jawatan |
| retirement age | umur persaraan |
| retrenched | diberhentikan di bawah langkah penghematan |
| retrenchment | pemecatan dibawah langkah penghematan |
| retrenchment benefits | faedah pemberhentian di bawah langkah penghematan |
| right to be heard | hak untuk didengar |
| rights dispute | pertikaian hak |

# R



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| rightsizing | pembetulan saiz |
| rule against bias | prinsip menentang berat sebelah |
| ruling | arahan/perintah |

# S



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| salary | gaji |
| scaling down of back wages | pengurangan upah kebelakangan |
| self-managed work groups | kumpulan urus kerja sendiri |
| senior manager | pengurus kanan |
| severance pay | gaji pemberhentian |
| sexual harassment | gangguan seksual |
| show cause letter | surat tunjuk sebab |
| standard | piawai |
| statement in reply | pernyataan jawapan |
| statement of case | pernyataan kes |
| stay order | perintah penggantungan |
| strike | mogok |
| strike out | membatalkan |

# S



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| struck off | dibatalkan |
| subject matter | hal perkara |
| subsidiary company | syarikat subsidiari/anak syarikat |
| substantial | teguh/substansial |
| substantive | substantif |
| sworn testimony | keterangan bersumpah |

# T



| Bahasa Inggeris | Syor Oleh Mahkamah Perusahaan |
|---|---|
| technicalities | perkara teknikal/ keteknikan (mengikut konteks) |
| termination | penamatan/ pemberhentian |
| termination of service | penamatan perkhidmatan |
| top manager | pengurus atasan |
| trade dispute | pertikaian perusahaan |
| trade union | kesatuan sekerja |
| trade union centre | pusat kesatuan sekerja |
| tripartism | tiga pihak |
| trouble shoot | mengenalpasti masalah |

# U



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
| --- | --- |
| ultimatum | kata dua |
| uncertainty | ketidaktentuan |
| under receivership | di bawah penerimaan |
| unfair dismissal | pemecatan tidak adil |
| unilateral | sebelah pihak |
| union | kesatuan |
| union representative | wakil kesatuan |
| unjust dismissal | pemecatan tidak adil |
| upheld | disahkan |

# V



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| vague | kabur |
| vertical union | kesatuan menegak |
| victimisation | pemangsaan |
| voluntary arbitration | timbang tara sukarela |
| voluntary redundancy | lebihan tenaga kerja sukarela |
| voluntary separation scheme | skim pemisahan sama setuju |

# W



| Bahasa Inggeris | Syor Oleh Mahkamah Perusahaan |
|---|---|
| wage | gaji/upah |
| wage incentives | insentif gaji/upah |
| wage indexation | petunjuk gaji/upah |
| wages policy | polisi gaji/upah |
| white-collar worker | pekerja kolar putih |
| wildcat strike | mogok berisiko |
| winding up | penggulungan |
| withdrawal | penarikan balik |
| withdrawn | ditarik balik |
| without admission to liability | tanpa pengakuan terhadap liabiliti |
| without prejudice | tanpa prejudis/prasangka |
| witness statement | pernyataan saksi |

# W



| **Bahasa Inggeris** | **Syor Oleh Mahkamah Perusahaan** |
|---|---|
| worker | pekerja |
| workers' participation | penglibatan pekerja |
| workman | buruh (menurut Akta Pampasan Pekerja 1952)<br><br>pekerja (bagi yang tidak tertakluk dibawah Akta Pampasan Pekerja 1952) |
| work practices | amalan kerja |
| wound-up | digulungkan |
| wrongful dismissal | pemecatan kerja secara salah |